

Sukarelawan beri harapan di gurun kemiskinan

TAKHTA SUCI: Pakaian seragam pendarfluor beribu-ribu sukarelawan di Roma untuk Jubli Sukarelawan Sedunia begitu menonjol di Dataran Sto Petrus semasa perayaan Ekaristi yang dipimpin oleh Kardinal Michael Czerny. Tiga puluh ribu orang mengambil bahagian dalam Misa Hari Minggu pertama Pra-Paskah dengan memakai jaket berwarna-warni, telah mencipta tontonan kromatik, bersama dengan pakaian liturgi ungu yang dipakai untuk musim Pra-Paskah.

Lebih seratus orang peraya Misa, termasuk kardinal, uskup dan paderi, datang untuk liturgi yang dipimpin oleh Kardinal Michael Czerny, ketua Dikasteri Untuk Mempromosi Pembangunan Manusia.

Bapa Suci memberi tugas kepada Kardinal Czerny untuk memimpin Misa setelah kerana berada di hospital sejak Februari 14. Tetapi kehadiran rohani Bapa Suci dalam kalangan mereka dilambangkan dalam sepanduk kepausan dengan jata kepausan yang dipaparkan di tengah-tengah Basilika Sto Petrus.

Terima kasih kepada para sukarelawan

Sri Paus Fransiskus telah menyediakan teks homili sempena acara meriah itu. Ia dibacakan oleh Kardinal Czerny. Sri Paus memberi tumpuan kepada permulaan perjalanan Pra-Paskah dan mengalu-alukan kedatangan para sukarelawan dari seluruh dunia yang melawat Roma sempena Tahun Jubli.

Bapa Suci mengimbas kembali perkhidmatan dan komitmen mereka yang banyak membantu kehidupan orang lain, meskipun ia “mungkin gerak isyarat kecil di padang pasir kemiskinan dan kesepian” tetapi ia membantu manusia “berkembang di taman yang impian Tuhan yang selalu hadir untuk kita semua di mana sahaja.”

“Saya berterima kasih kepada anda dengan sungguh-sungguh, kawan-kawanku yang dikasihi, kerana kalian mengikuti contoh Yesus, anda melayani jiran-jiran anda tanpa mementingkan diri. Di jalan-jalan dan di rumah, menemani orang sakit, orang yang menderita dan yang dipenjarakan, dengan orang muda dan orang tua, kemurahan hati dan komitmen anda menawarkan harapan kepada seluruh masyarakat.”

Yesus menunjukkan jalan melalui padang pasir

Mengulas mengenai Injil pada Hari Minggu tersebut, Sri Paus mengimbas kembali godaan yang dihadapi oleh Yesus di padang pasir, di mana Dia “dipimpin oleh Roh.”

Dan perjalanan Pra-Paskah kita bermula di sini, dengan mengikuti Tuhan ke padang gurun, berkongsi pengalaman serta menjadikan pengalaman itu bermanfaat bagi kita.

Kerana dalam “tempat berdiam diri” yang menjadi “tempat mendengar”, keupayaan untuk mendengar adalah “menghadirkan ujian” di mana kita harus memilih “antara dua suara yang sama sekali berbeza.” Di padang pasir, Yesus mengalami kelaparan dan tergoda oleh kata-kata syaitan, tetapi Dia menolaknya.



Sri Paus Fransiskus masih dirawat dihospital namun mengirim pesan dan menyediakan homili untuk Misa Jubli bagi para sukarelawan pada Mac 9 di Dataran Sto Petrus.

“Kita juga tergoda, namun tidak bersendirian. Yesus ada bersama kita, untuk membimbing kita melalui padang pasir. Anak Tuhan yang dibuat manusia tidak hanya memberi kita contoh bagaimana untuk memerangi kejahatan. Dia memberi kita sesuatu yang lebih besar: kekuatan untuk menentang serangannya dan bertahan dalam perjalanan kita.”

Tiga aspek godaan Yesus

Dalam homilinya, Sri Paus Fransiskus menerangkan tiga aspek godaan terhadap Yesus.

Aspek pertama: permulaan godaan, “Tuhan tidak pergi ke padang pasir untuk menunjukkan kekuatan kehendak-Nya, tetapi daripada keterbukaan-Nya kepada Roh Bapa, yang diterima-Nya dengan hati terbuka.”

Aspek kedua: godaan ialah kejahatan yang berperingkat dan bermatlamat. “Iblis menyerang kebebasan kita terlebih dahulu, menyerangnya dari dalam, seperti bayang-bayang dalaman dan ancaman yang berterusan.”

“Setiap kali kita meminta Tuhan supaya tidak membawa kita ke dalam godaan, kita perlu ingat bahawa Dia telah menjawab doa itu melalui Yesus, Firman yang dijelmakannya, yang tetap bersama kita. Tuhan dekat dengan kita dan merawat kita, terutama pada masa-masa godaan dan ketidakpastian, ketika Iblis membuat suaranya didengar.”

Aspek terakhir: “bapa segala kebohongan dan kejahatan iaitu Iblis tahu Firman Tuhan tetapi tidak memahaminya seperti yang telah dilakukannya kepada Adam di Taman Eden. Namun Yesus adalah Adam yang baharu, Adam baharu di padang pasir.”

Yesus mengalahkan kejahatan dan menebus kita

Bagaimana Yesus mengalahkan Iblis? Melalui hubungan-Nya dengan Tuhan, Bapa-Nya. Iblis adalah orang yang memisahkan dan membahagikan, sedangkan Yesus adalah orang yang menyatukan Tuhan dan manusia, pengantara. Dan Iblis ingin memusnahkan ikatan itu.

“Yesus menjadikan hubungan yang merangkumi semua orang, tanpa mengecualikan sesiapa dan Dia memberikan kita hadiah untuk dikongsi dengan dunia iaitu keselamatan untuk kita. Namun, Iblis sentiasa berusaha menggoda kita untuk percaya bahawa Tuhan jauh daripada kita, dan akan menggoda kita untuk berputus asa. Tetapi, Yesus sentiasa menarik agar semua lebih dekat kepada kita, memberikan hidup-Nya untuk penebusan dunia. Yesus mengalahkan kejahatan dan menebus kita.

Yesus “mengalahkan kejahatan”. Dia menangkis godaan. Dia mengusir Iblis. Dan seperti yang dikatakan oleh Injil, “Si penggoda akan kembali untuk menggoda Dia dan menunggu peluang.”

Oleh sebab itu, si penggoda kembali lagi ketika Yesus di bukit Golgota. Iblis menggoda Yesus agar turun dari salib. Tetapi, dalam misteri Paskah, Kematian dan Kebangkitan-Nya, Yesus mengalahkan kuasa jahat. Bagi kita, kita juga tidak akan selalu dapat menangkis godaan. Tetapi kekalahan kita tidak muktamad, kerana setiap kejatuhan kita, Tuhan mengangkat kita dengan cinta dan pengampunan-Nya yang tidak terhingga. Ujian kita tidak berakhir dengan kegagalan, kerana, dalam Kristus, kita ditebus dari kejahatan!” **Media Vatikan**

Mengusir syaitan melalui doa Hening

Ada kejadian dalam Injil di mana murid A-murid Yesus tidak dapat membuang syaitan tertentu. Apabila mereka bertanya kepada Yesus mengapa, Dia menjawab bahawa sesetengah syaitan hanya boleh dibuang oleh doa.

Syaitan tertentu dirujuk oleh Yesus dalam contoh ini telah menyebabkan seorang lelaki pekak dan bisu.

Saya ingin menamakan syaitan lain yang seolah-olah tidak dapat diusir kecuali dengan doa, iaitu, syaitan yang selama-lamanya merosakkan hubungan peribadi, keluarga, komuniti dan Gereja-gereja melalui salah faham dan pembahagian, menjadikan kita sukar menjadi ahli masyarakat yang memberikan kehidupan antara satu sama lain. Apa doa tertentu yang diperlukan untuk membuang syaitan ini? Kita perlu doa keheningan bersama iaitu serupa dengan *Quaker Silence* (QS).

Apakah itu QS? Berikut merupakan sejarah singkatnya: *Quakers* adalah satu set denominasi Kristian Protestan yang ahli-ahlinya melihat satu sama lain sebagai kawan. Mereka dipanggil *Quakers* kerana pengasas mereka, George Fox (1624-1691) pernah menyatakan sebuah kenyataan yang terkenal seperti berikut: Legenda mengatakan bahawa dalam menghadapi beberapa tokoh pihak berkuasa yang cuba menakut-nakutkannya, Fox memegang Alkitabnya dan berkata: Ini adalah Firman Tuhan, gentarlah kepada-Nya!

Bagi *Quakers*, terutamanya pada zaman dahulu, secara umumnya mereka berdoa dengan duduk bersama dengan komuniti dalam keadaan hening, menunggu Tuhan untuk bercakap dengan mereka.

Mereka akan duduk bersama dalam diam, menunggu kuasa Tuhan untuk datang dan memberi mereka sesuatu yang mereka tidak dapat berikan iaitu, komuniti sebenar, komuniti sejati melangkaui semua hal yang memisahkan mereka.

Walaupun mereka duduk secara individu, doa mereka adalah radikal.

Mereka duduk sebagai sebuah komuniti, menunggu bersama-sama bagi Tuhan untuk memberi mereka perpaduan yang mereka tidak dapat berikan berdasarkan kekuatan mereka.

Mungkin ini boleh dijadikan amalan kita, orang Kristian dari setiap denominasi, untuk berlatih hari ini kerana kita tidak berdaya menghadapi unsur-unsur yang cuba memisahkan atau membahagikan (dalam keluarga kita, di Gereja-gereja kita dan di negara kita).

Memandangkan itu, sebagai orang Kristian, kita berada di akar satu komuniti di dalam tubuh Kristus, satu badan organik tunggal di mana jarak fizikal tidak dapat memisahkan kita, mungkin kita boleh bermula menjadikannya amalan doa biasa untuk duduk bersama dalam senyap *Quakers*, sebagai satu komuniti, duduk diam, menunggu bersama-sama, menunggu Tuhan datang dan memberi kita komuniti kerana kita tidak berdaya untuk melakukannya sendiri?

Secara praktikal, bagaimanakah ini dapat dilakukan? Berikut adalah cadangan: Setiap hari kita peruntukkan masa untuk duduk diam, bersendirian atau ideal dengan orang lain, untuk tempoh masa yang ditetapkan (lima belas hingga dua puluh minit) di mana tujuannya, tidak seperti dalam meditasi peribadi, bukanlah pertama-tama untuk memupuk keintiman peribadi anda dengan Tuhan, sebaliknya untuk duduk bersama dalam komuniti sebagai satu tubuh, melangkaui semua perkara yang dapat memisahkan kita.

Ini juga boleh menjadi ritual yang kuat dalam perkahwinan dan dalam kehidupan keluarga.

Mungkin salah satu terapi penyembuhan yang paling kuat dalam perkahwinan ialah pasangan boleh duduk bersama secara teratur dalam hening, meminta Tuhan memberi



mereka sesuatu yang mereka tidak dapat berikan untuk orang lain iaitu persefahaman antara satu sama lain di luar ketegangan kehidupan seharian.

Saya masih ingat sebagai seorang kanak-kanak, kami sentiasa berdoa rosari bersama sebagai keluarga setiap petang dan ritual itu mempunyai kesan QS. Ritual itu menenangkan ketegangan yang berlaku pada siang hari dan membuatkan kami berasa lebih aman sebagai keluarga.

Saya menggunakan istilah QS, namun sebenarnya terdapat pelbagai bentuk meditasi dan kontemplasi yang mempunyai tujuan yang sama.

Sebagai contoh, pengasas kongregasi yang saya sertai sekarang, misionari *Mary Immaculate* iaitu Sto Eugene de Mazenod, meninggalkan amalan doa yang dipanggil *Oraison*.

Doa *Oraison* ini bertujuan: menjadikan hidup bersama dalam masyarakat suatu kewajiban.

Kebetulan, kami adalah kongregasi yang berada di lebih enam puluh negara di seluruh dunia.

Bagaimanakah kami boleh berada dalam

komuniti antara satu sama lain sedangkan kami dipisahkan oleh jarak? Jawabannya, melalui amalan *Oraison*.

Sto Eugene meminta kami untuk menetapkan masa setengah jam setiap hari untuk duduk diam, ketika itu kami tidak hanya berkomunikasi dengan Tuhan tetapi juga dalam persekutuan di seluruh dunia.

Ia hampir sama dengan QS. Ia ialah doa di mana setiap orang duduk bersendirian, dalam hening, dalam masyarakat, meminta Tuhan untuk membentuk sebuah komuniti di semua jarak dan perbezaan.

Yesus mengatakan bahawa beberapa syaitan hanya dapat diusir oleh doa. Dan mungkin syaitan yang disebut ini adalah syaitan salah faham dan syaitan yang cuba memisahkan.

Kita tahu kita tidak berdaya untuk mengusirnya. Lantaran itu, duduk dalam hening dengan komuniti, meminta Tuhan melakukan sesuatu untuk kita di luar ketidakberdayaan kita, dapat mengusir syaitan salah faham dan syaitan yang suka memecah-belahkan kita. **Hakcipta Terpelihara 1999-2025 @ Fr Ron Rolheiser**

Tanpa pertaubatan, kita akan binasa!

Pada suatu hari Yesus mendengar berita, bahawa di Galilea sejumlah orang beribadat dengan mengadakan korban. Rupanya apa yang terjadi ialah kekacauan sehingga penguasa Romawi mengadakan tindakan keras dan membunuh sejumlah orang. Darah mereka dicampurkan dengan darah binatang-binatang korban.

Orang menyangka, orang-orang itu dibunuh, kerana dosa-dosa mereka lebih besar daripada orang-orang Galilea lainnya. Yesus menegaskan: Tidak! Bukan demikian! Ramai orang berpendirian, bahawa keadaan hidup yang susah, termasuk bencana alamiah, disebabkan oleh dosa-dosa manusia (kitab Ayub).

Tetapi Yesus menegaskan bahawa semua orang adalah pendosa. Kerana itu diperlukan pertaubatan.

Demikian pula isi berita tentang bencana lain di Yerusalem, di mana 18 orang mati kerana ditimpa menara dekat Siloan yang jatuh roboh.

Tidak ada hubungan langsung antara peristiwa di Galilea dan di Yerusalem tersebut. Namun ada kesamaan ajaran dan pesan yang ingin disampaikan oleh Yesus, iaitu pertaubatan.

Penderitaan dan bencana, bahkan kematian yang dialami orang, bukanlah bukti bahawa mereka itu pendosa dan dosanya lebih besar dari lainnya!

Memang ada pendosa-pendosa yang dihukum Tuhan di dunia ini. Tetapi adan-

ya hukuman itu bukanlah bukti, bahawa dosa orang yang dihukum di dunia itu lebih besar atau berat dosanya!

Yesus mahu mengingatkan kita, bahawa hukuman yang sebenarnya ialah hukuman kekal sesudah kematian! Ukuran yang dipakai ialah sejauh mana setiap orang sungguh hidup dengan semangat bertaubat.

Yesus menggunakan perumpamaan tentang pohon ara. Setiap orang di seluruh dunia adalah pohon ara yang dimaksudkan oleh Yesus.

Semua orang adalah pendosa. Tetapi sekali gus Yesus menekankan, bahawa kerahiman atau belas kasihan Tuhan untuk mengampuni adalah tidak terbatas! Meskipun demikian, manusia harus mempersiapkan diri untuk menerima belas kasihan Tuhan.

Waktu untuk persiapan itu, iaitu waktu untuk hidup manusia sangat terbatas dan tidak sama. Tetapi belas kasihan Tuhan adalah lebih besar daripada besarnya dosa

manusia!

Tuhan tidak akan mengampuni dosa apapun, betapa besar atau kecilnya, apabila tidak ada pertaubatan.

Yesus Kristus adalah pengantara

Tuhan dan manusia. Tetapi Dia tidak akan menolong siapapun, apabila tidak ada pertaubatan. Dengan kata lain, orang tidak akan diselamatkan, apabila dia tidak mahu diselamatkan!

Dalam perumpamaan tentang pohon ara dalam Injil hari ini pohon-pohon ara itu adalah orang-orang Yahudi, tetapi juga kita semua!

Yang menanam adalah Tuhan.

Dimaksudkan dan diharapkan agar pohon-pohon itu tumbuh, berkembang dan berbuah. Bila tidak berbuah, akan ditebang. Si pengurus kebun dalam perumpamaan itu adalah Yesus.

Yesus yang mahu menyelamatkan pohon-pohon ara itu, iaitu kita sekalian. Dia meminta kepada Tuhan, agar diberi



HARI MINGGU PRA-PASKAH 3 (TAHUN C)

KEL 3:1-8A, 13-15
1KOR 10:1-6, 10-12
LUK 13:1-9

waktu secukupnya kepada kita untuk bertumbuh dan berkembang dengan baik. Kita diberi kesempatan yang cukup dalam hidup kita untuk berganti sikap, untuk serius terhadap nasib kekal kita kelak di kemudian hari.

Apabila tidak berhasil, hal itu bukan disebabkan oleh ketidakadilan Tuhan melainkan kerana kesalahan kita sendiri. Maka pohon-pohon tidak berbuah itu akan ditebang.

Tuhan memberi waktu dan kesempatan kepada kita untuk berganti secara mendasar untuk sungguh mahu hidup sebagai orang Kristian sejati.

Kita diundang untuk sungguh-sungguh menyadari makna hidup kita sebagai orang Kristian yang sudah dibaptis. Dan dalam segala kelemahan kita, kita selalu diingatkan akan belas kasihan Tuhan yang tiada batasnya.

Hidup beragama sejati, atau hidup rohani yang autentik sekadar melakukan ibadat atau ritualisme melulu! **Msgr FX Hadisumarta O.Carm**

Bicara Rohani bincang rawatan gangguan rohani dan psikologi

JOHOR BAHRU: Kebimbangan boleh menjadi amaran atau tanda bahaya yang berguna, ia adalah perkara yang positif. Ia boleh merangsang minda dan menjadikannya berjaga-jaga. Ia boleh mendorong kita ke hadapan. Ia boleh membantu kreativiti. Kita melihat ini dalam banyak kehidupan para penulis, *composer*/pengubah dan artis terkenal.

“Walau bagaimanapun, apabila kebimbangan menjadi sengit, tidak berfungsi atau tidak rasional, kebimbangan boleh menjadi patologi,” demikian penerangan Fr Dr Charles Chiew, seorang ahli psikologi bertauliah.

Fr Dr Charles menjadi pembicara utama bagi program Bicara Rohani: “Gangguan Rohani dan Gangguan Psikologi” dalam talian yang dianjurkan oleh *Legacy* Doa Rosari pada Februari 26 lalu.

Legacy Doa Rosari (LDR) adalah kumpulan doa dalam talian yang mempunyai ahli lebih 400 orang. Ia ditubuhkan pada masa


pandemik Covid-19 yang lalu, namun masih aktif dalam pelayanan doa sehingga kini dan menganjurkan sesi-sesi bicara rohani dalam talian dari masa ke semasa.

Dalam sesi yang berjalan selama satu jam setengah itu, Fr Dr Charles menerangkan tentang jenis-jenis kebimbangan dan kesannya kepada kesihatan manusia.

Jelasnya, kebimbangan adalah ketakutan yang tidak mempunyai objek atau bahaya yang dapat ditentukan. Ia adalah ketakutan yang dipenuhi dengan ketegangan, satu keadaan kekal untuk bimbang tentang apa-apa secara khusus atau tentang segala-galanya pada masa yang sama.

Beliau menerangkan kebimbangan adalah berbeza dengan ketakutan dan kebimbangan biasa kerana kedua-dua keadaan itu dapat dikawal.

Namun berita baiknya ialah seperti semua masalah kesihatan, bagi mereka yang mengalami kebimbangan kronik bahawa ia boleh dicegah dan dirawat mela-



lui kaedah perubatan serta rohani.

Memetik kata-kata bijaksana Ben Sira (Si 38:1), “Hormatilah doktor atas pelayanan mereka, kerana Tuhan menciptakan mereka.”

Doktor mempunyai peranan mereka untuk bermain dalam rawatan kebimbangan. Cara rawatan lain ialah rawatan psikoterapi dan pendekatan kerohanian untuk

menguruskan kebimbangan.

Konsili Vatikan Kedua sendiri mengakui dan mengambil berat akan isu kemanusiaan yang mendalam ini: Ia mencatatkan bahawa, “Banyak perkara yang berperang dalam diri manusia. Di satu pihak, orang itu adalah makhluk. Yang mengalami banyak keterbatasannya, di sisi lain, dia tidak terbatas keinginan dan

dipanggil untuk kehidupan yang lebih tinggi.” (GS n. 1).

Fr Dr Charles berharap agar sesi pada malam itu memberi maklumat bermanfaat kepada para peserta maya.

Beliau menasihati agar mendapatkan segera bantuan pakar kaunseling atau jika tidak dapat mengatasi kebimbangan yang melampau.



Wanita Harapan: Berintegrasi Meninggalkan Legasi

LIMBAHAU: Sempena Sambutan Hari Wanita Sedunia 2025, Liga Wanita Katolik Paroki (LWK) Holy Rosary, Limbahau telah mengadakan Seminar Para Wanita peringkat Paroki.

Seramai 101 peserta menghadiri seminar ini termasuk LWK dari stasi luar dan komiti yang lain.

Seminar dimulakan dengan upacara Pentakhtaan Alkitab yang dipimpin oleh Sr Calista Saliun FSIC dan diteruskan dengan sesi ceramah bertajuk “Wanita Harapan: Berintegrasi Meninggalkan Legasi.”

Sr Calista mengambil contoh dan inspirasi daripada wanita-wanita hebat serta terkenal dalam alkitab khususnya wanita yang mempunyai peranan signifikan bukan sahaja kepada keluarga tetapi juga dalam pelayanan. Selesai ceramah, perbualan rohani diadakan dan para peserta

mengambil bahagian aktif dalam sesi perkongsian.

Para peserta seterusnya mengikuti Misa Kudus Senja dan menerima pemberkatan khas daripada paderi.

Fr Lasius Gantis, pembantu Paderi Paroki HRL yang memimpin Perayaan Ekaristi Kudus menyatakan bahawa wanita memainkan peranan penting bukan sahaja menjadi ibu di rumah tetapi juga di paroki.

Sambutan Wanita Sedunia diakhiri dengan acara makan bersama di Dewan Fr Augustine Amandus.

Msrgr Nicholas Stephen, Rektor Paroki dalam ucapannya menyatakan bahawa wanita harus menjadikan Bunda Maria sebagai ikon yang sentiasa setia dan menggandakan harapan kepada Tuhan sesuai dengan tema Hari Wanita iaitu “Wanita Harapan.”

KLANG: Pesta Paroki tahunan *Our Lady of Lourdes* disambut dengan devosi yang mendalam di Gereja *Our Lady of Lourdes* (OLL) Klang, baru-baru ini.

Beribu-ribu umat dan penziarah menghadiri Novena dan Misa yang bertema, “Penziarah Harapan”.

Misa Novena selama sembilan hari tersebut dirayakan oleh paderi-paderi dari keuskupan Pulau Pinang, Melaka-Johor dan Kuala Lumpur.

Hari Pesta Paroki dimulakan dengan upacara menaikkan bendera yang dipimpin oleh Paderi Paroki, Fr Gregory dan penolong paderi paroki, Fr Gnana Selvam.

Pada hari pertama, dengan tema, “Harapan Maria dalam Karya Penyelamatan Tuhan” dirayakan dengan Misa Kudus.

Pada hari kedua, Fr Stanley menyampaikan homili tentang “Iman Maria yang teguh kepada Tuhan” dan keesokan harinya yang jatuh pada hari Ahad, Misa dirayakan dalam pelbagai bahasa.

Pada hari keempat, tema “Maria, Ibu Alam Semesta” merupakan fokus utama Fr Andrew Manickam yang memimpin Misa.

Pada hari kelima, dalam upacara menghormati perayaan *Our*

Maria tabut perjanjian baharu



Lady of Lourdes dan memperingati Hari Orang Sakit Sedunia, beberapa orang paderi memberi pengurapan kepada orang sakit.

Pada sebelah malam, Misa Hari Paroki dipimpin oleh Fr Peter Anthoney yang dibantu oleh beberapa orang paderi.

Pada hari keenam, Fr James Pitchay telah memimpin Misa dan fokus utamanya ialah, “Maria, Ibu dan Rahmat”.

Pada hari ketujuh, Misa dipimpin oleh Fr Moses Rayappan dari Keuskupan Melaka-Johor dan Fr Michel

Dass telah merayakan Misa pada hari kelapan dengan tema “Maria, Hamba Tuhan”.

Pada hari kesembilan, Misa khas untuk kanak-kanak telah dirayakan oleh Fr George Harrison. Pada sebelah petangnya, Misa telah diadakan bagi para umat Myanmar, yang dipimpin oleh Fr Robert Kham. Pada sebelah malamnya pula merupakan Misa sempena Pesta Paroki, yang dipimpin oleh Uskup Agung Julian Leow dengan tema, “Maria, Tabut Perjanjian Baharu.” **Olga Dennis Goniur**

1,500 sertai perarakan lilin di OLL

KLANG: Sempena Hari Paroki *Our Lady of Lourdes* (OLL), Uskup Agung Julian Leow telah berkenan untuk memimpin Misa pada Februari 16.

Misa itu diadakan pada sebelah malam dan selepas Misa, seramai 1,500 umat telah menyertai perarakan sambil memegang lilin bernyala di sepanjang Jalan Tengku Kelana menuju ke jalan “*Little*

India” kemudian, kembali semula ke kawasan perarakan Gereja.

Semasa perarakan itu, Sakramen Mahakudus dalam monstrans yang dihias indah, diiringi oleh ikon *Our Lady of Lourdes* telah dibawa berarak. Perayaan diakhiri dengan doa di Groto.

Serentak dengan itu, seminar penyembuhan juga telah dijalankan dan dipimpin oleh para sister dari

Kongregasi Putri Karmel.

Upacara Pembasuhan Lourdes, yang diilhamkan dari air penyembuhan ajaib di Lourdes di Perancis, juga berlaku.

Ramai yang mengambil bahagian menyatakan rasa damai, pembaharuan dan hubungan yang mendalam dengan Tuhan melalui upacara suci ini. **Olga Dennis Goniur**

Sahabat kecil Yesus

Hello adik-adik, Apa khabar? Minggu ini kita memasuki Hari Minggu Pra-Paskah ketiga.

Dalam pembacaan Injil, ia menceritakan tentang perumpamaan pokok ara. Tuan punya kebun menanti pokok itu berbuah selama tiga tahun tetapi ia tetap tidak berbuah. Tuan punya pekebun itu menyuruh tukang kebun agar menebang sahaja pokok ara

yang tidak berbuah itu. Namun si tukang kebun meminta agar pokok ara itu diberi kesempatan untuk setahun lagi.

Si tukang kebun menyatakan dia akan melakukan sesuatu menabur baja pada pokok itu.

Adik-adik, pokok ara itu umpama orang yang boleh melakukan sesuatu tetapi tidak melakukan apa-apa. Tuan punya kebun umpama Tuhan yang sudah memberi kesempatan

tetapi peluang itu disia-siakan. Manakala tukang kebun itu merupakan Yesus, yang mahu memberikan peluang kepada seseorang yang berdosa.

Dan antie pasti, selepas setahun Yesus tetap tidak menebang pokok itu kerana Dia sentiasa memberi peluang kepada kita untuk bertaubat.


Oleh itu adik-adik, sempena Pra-Paskah ini, Pra-Paskah ialah masa terbaik bagi kita untuk

memeriksa sikap kita, adakah kita selalu menghormati keluarga dan rakan-rakan kita? Adakah kita selalu membantu orang yang susah? Adakah kita selalu berdoa?

Jangan sia-siakan peluang yang diberikan oleh Tuhan kerana kita tidak tahu bila masanya Tuhan akan datang untuk kedua kalinya!

Antie Melly

Semua pokok pada gambar di bawah kelihatan serupa. Dapatkah adik-adik mencari dan mewarnakan dua pokok yang sama?



Pokok yang subur tidak menghasilkan buah yang buruk. Demikian juga pokok yang tidak subur tidak akan menghasilkan buah yang baik (Lukas 6: 43-45)




MARI MEWARNA

Mac 25, Santa Perawan Maria menerima Khabar Gembira daripada malaikat Gabriel.

Bantu malaikat Gabriel untuk bertemu dengan Santa Perawan Maria untuk menyampaikan Khabar Gembira



Lengkapkan petikan alkitab di atas untuk membaca jawapan Santa Perawan Maria kepada malaikat Gabriel.



BELIA

MENGHIDUPI SINODALITI DALAM PELAYANAN BELIA

SINUA, Sook: Fr Appolonijs Yakis menyeru Komiti Kerasulan Belia (KBK) Katedral St Francis Xavier agar saling menyokong, berganding bahu dan memastikan bahawa setiap program belia di paroki berjalan dengan lancar dan penuh berkat.

Paderi itu berkata demikian semasa menyampaikan homili sempena Misa penutupan *Retreat and Discernment* di *Trusmadi Riverside* Sinua, Sook pada Mac 2 lalu.

Dengan tema “Mendalamkan Panggilan, Menguatkan Pelayanan,” program ini memberikan peluang kepada ahli-ahli jawatan kuasa tinggi (AJKT) KBK untuk memperbaharui komitmen mereka dalam pelayanan belia serta menghayati panggilan Tuhan dalam kehidupan mereka.

Fr Appolonijs menyeru agar setiap anggota AJKT di setiap Zon, Komuniti Umat Katolik dan komuniti kerasulan dapat terus berjalan bersama dalam semangat sinodal.

Tuhan memanggil kita bukan sahaja menjadi pemimpin dalam Zon masing-masing, tetapi juga penggerak yang menggerakkan serta membawa semangat pelayanan kepada belia,” kata Fr Appolonijs.

Misa Penutupan menjadi titik puncak bagi peserta untuk memperbaharui komitmen dalam pelayanan. Fr Appolonijs juga



menekankan bahawa semangat sinodaliti adalah kunci untuk memperkukuh misi kerasulan belia, agar setiap langkah yang diambil adalah untuk membawa kasih Tuhan kepada semua.

Sr Liza Augustine Jamat FSIC Pengerusi Liturgi Paroki KSFX; Sdri Felsie Sulip Felix, Koordinator KBK dan Fr Appolonijs Yakis, merupakan penceramah utama dalam retreat yang dihadiri 31 orang belia.

Selama tiga hari, ketiga-tiga penceramah berpengalaman itu membantu para belia memperbaharui komitmen mereka dan berjalan bersama para peserta melalui sesi seperti meditasi alam dan refleksi tentang kehadiran Tuhan dalam kehidupan seharian.

Pengerusi KBK KSFX, Andre JB, dalam ucapannya menyampaikan rasa syukur atas perjalanan rohani yang luar biasa semasa

retret tersebut.

“Sebagai koordinator, saya berasa amat bersyukur dapat menjadi sebahagian daripada perjalanan rohani ini.

Retret ini bukan bermakna perjalanan rohani kita tidak berakhir di sini tetapi sebuah permulaan yang baharu,” kata Andre seraya menyeru para belia untuk terus berkongsi pengalaman rohani kepada kaum muda di tempat masing-masing.

CAMP EQUIP LENGKAPI KAUM MUDA PENGETAHUAN PENGINJILAN

Pulau Pinang: Sekumpulan kaum muda dari Malaysia dan Singapura berkumpul di Pusat Kerohanian *Monsignor Aloysius (MASC)* untuk *Camp Equip* 2025, sebuah program retreat selama dua minggu yang dianjurkan memperdalam iman mereka.

Dalam dunia yang penuh dengan cabaran dan godaan, *Camp Equip* memberikan lebih daripada sekadar pengayaan rohani.

Ia memberikan pengalaman hidup bagi kaum muda untuk berkembang dalam lima aspek utama kerohanian karismatik iaitu ibadah, syafaat, karunia rohani, penginjilan, dan kerasulan.

Peserta yang berusia 18 hingga 25, datang dari pelbagai lokasi iaitu Pulau Pinang, Kuala Lumpur, Sitiawan dan Singapura. Sepanjang retreat, mereka diberikan pengetahuan rohani oleh penceramah dinamik dari *Seeds Ministry* dan *Ablaze Ministry*.

Sesi-sesi ini membantu kaum muda memperdalam pemahaman rohani mereka dan memberi inspirasi kepada mereka untuk melayani orang lain dengan kasih dan belas kasihan.

Modul retreat menumpukan pada aspek



utama kehidupan Kristian. Modul ibadat menekankan rasa terima kasih, pujian, dan penyerahan, sementara syafaat mengajar para peserta bagaimana berdoa secara ‘kenabian’ (*prophetically*) untuk orang lain.

Dalam modul Karunia Rohani, para hadirin meneroka bakat unik mereka dan belajar bagaimana menggunakannya dalam pelayanan kepada Tuhan.

Manakala dalam aspek penginjilan, para peserta dipersiapkan untuk berkongsi kepercayaan mereka dengan berani, dan aspek kerasulan pula mencabar mereka untuk meneroka makna sebenar mengikut Kristus.

Salah satu elemen penting dalam *Camp Equip* adalah fokus pada aplikasi dunia nyata.

Pada sebelah petang, peserta dapat

mengamalkan pembelajaran mereka, sama ada melalui ibadah, doa atau berkongsi pengalaman peribadi mereka.


Misi Penginjilan merupakan kemuncak aktiviti apabila para peserta melawat rumah St Joseph, tempat perlindungan kanak-kanak dan Pusat *Lighthouse Feeding*, sebuah pusat perkhidmatan untuk mereka yang tiada tempat tinggal.

Pengalaman ini membolehkan para peserta mengatasi sebarang ketakutan yang berkaitan dengan aktiviti penginjilan.

Aktiviti ini dilakukan di sepanjang *Karpal Singh Drive*, mendorong para belia menyapa mereka yang tidak dikenali dan berkongsi pesan Kristus.

Meskipun pada awalnya berasa takut, namun ramai peserta mendapati keberanian untuk melangkah sebagai utusan cinta Tuhan.

Retret ini diakhiri dengan acara *Arise*, di mana para peserta berpeluang untuk berkongsi kesaksian mereka dan merenungkan transformasi mendalam yang mereka alami sepanjang retreat. Kemudian, para peserta merayakan Misa Kudus penutup bersama Kardinal Sebastian Francis.



Enam tahun ketiadaan uskup, akhirnya Keuskupan Timika dapat uskup baharu

TIMIKA, Papua New Guinea: Vatikan telah melantik Fr Bernardus Bofitwos Baru, Osa, sebagai uskup baru keuskupan Timika, mengakhiri tempoh hampir enam tahun *Sede Vacante*.

Pengumuman rasmi itu dibuat di Gereja Katedral Tiga Raja di Timika.

Bercakap kepada umat selepas Misa di Katedral, Fr Bernardus mengaku pada mulanya beliau enggan mengambil jawatan itu dan lebih senang mendedikasikan hidupnya untuk kajian alkitabiah sebagai friar kon-

gregasi Sto Augustine (OSA).

“Namun, saya tidak dapat menolak perintah langsung dari Sangti Papa yang mahu saya menjadi prelatus baharu di Keuskupan Timika,” katanya.

Fr Bernadus menegaskan bahawa keputusannya untuk menerima pelantikan itu dipengaruhi oleh keperluan kuat bagi rakyat Papua untuk memiliki uskup asli yang memimpin keuskupan.

Pelantikannya telah dialu-alukan oleh para klerus. “Pilihan Vatikan untuk melantik Uskup Bernadus adalah

keputusan yang betul dan baik.

Timika, yang terletak di wilayah paling timur Indonesia, adalah hab kritikal bagi rantau ini, kerana berhampiran operasi perlombongan *Freeport Inc.*, salah satu syarikat perlombongan tembaga dan emas terbesar di dunia.

“Kepentingan bandar, sama ada secara agama dan ekonomi, menambah tanggungjawab kepada peranan baru Fr Bernadus sebagai Uskup,” kata seorang paderi Papua New Guinea. **LiCAS News**

Masyarakat harus elak paksa wanita gugurkan janin

VATIKAN: Ketika dalam proses untuk pulih daripada radang paru-paru dua hala di Hospital Gemelli Roma, Sri Paus Fransiskus telah menghantar pesan kepada para peserta ziarah yang dianjurkan oleh Gerakan Itali untuk Kehidupan.

Setiausaha Negara Vatikan, Kardinal Pietro Parolin membaca pesan tersebut semasa Misa Kudus untuk para penziarah yang berkumpul di Basilika Sto Petrus.

“Teruskan meletakkan kepercayaan anda kepada wanita, khususnya dalam usaha mereka yang selalu mengalu-alukan, murah hati dan berani,” kata Sri Paus dalam pesannya.

“Wanita mesti dapat bergantung kepada sokongan seluruh masyarakat sivil dan Gereja.”

Bapa Suci kesal tekanan masyarakat kontemporari yang menempatkan wanita dengan “pemilikan, tindakan, mencari mata pencarian dan penampilan.”

“Gereja, bertujuan untuk mempromosikan martabat manusia dan mengutamakan mereka yang paling lemah di mata dunia. Anak yang belum lahir ialah mewakili semua individu yang lemah. Anak yang belum lahir ialah lelaki dan wanita yang tidak mempunyai suara,” katanya.

“Memihak kepada anak-anak yang belum lahir ini bermaksud berdiri bersama dalam perpaduan dengan semua yang diabaikan di dunia.”

Sri Paus Fransiskus menyeru orang Kristian untuk membangun “tamadun cinta” yang membebaskan wanita “daripada tekanan yang mendorong mereka untuk tidak melahirkan anak.”

Bapa Suci meminta umat Katolik untuk “memandang dengan hati” dan mengenali kanak-kanak yang belum lahir sebagai “salah seorang daripada kita.”

Sri Paus memuji pergerakan Itali untuk kehidupan, yang ditubuhkan

pada tahun 1975 dan menjalankan beberapa pusat yang membantu wanita dengan kehamilan yang sukar atau yang dalam tekanan kerana dipaksa menggugurkan bayi.

Kerja-kerja pergerakan itu membantu menggalakkan budaya kehidupan “dengan kegembiraan, cinta, dan ketabahan, menyatukan kebenaran dengan amal.”

Sempena ulang tahunnya yang ke-50, Bapa Suci menggesa semua orang yang berusaha untuk mempromosikan kehidupan untuk “terus memajukan perlindungan sosial keibuan dan penerimaan kehidupan manusia dalam semua peringkatnya.”

“Kehidupan adalah suci, dicipta oleh Tuhan untuk takdir yang besar dan indah,” katanya.

“Masyarakat yang adil tidak dibina dengan menghapuskan kanak-kanak yang belum lahir, orang tua yang uzur atau pesakit.”

Media Vatikan



Katedral dan Gereja di Mexico dicemari oleh penyokong aborsi

KOTA MEXICO: Semasa perarakan yang diadakan pada Mac 8 untuk memperingati Hari Wanita Antarabangsa, pelbagai katedral Katolik dan Gereja di Mexico telah dirosakkan. Dinding dan struktur bangunan telah diconteng dan dirosakkan.

Di Jalisco, *the Cathedral Basilica of the Assumption of Most Holy Mary* telah disimbah dengan cat dan tulisan slogan yang memihak kepada pengguguran dan menyerang Gereja Katolik.

Di tengah Mexico, Katedral San José di Toluca adalah satu lagi Gereja yang telah diserang oleh kumpulan feminis, dengan meletakkan kain hijau — warna yang diterima pakai oleh pergerakan yang menyokong pengguguran janin. Beberapa patung di luar katedral juga dirosakkan.

Di Morelos, media sosial

menunjukkan orang yang cuba meruntuhkan pagar pelindung di hadapan Katedral Cuernavaca, namun percubaan itu gagal. Di Oaxaca, di tenggara negara, peserta dalam perarakan tiba-tiba menyembur cat ke dinding Katedral *Our Lady of the Assumption*. Video yang tersebar di media sosial menunjukkan bahawa kumpulan itu cuba membakar pintu utama.

Kardinal José Francisco Robles Ortega, Uskup Agung Guadalajara, mengatakan tidak salah untuk menunjukkan protes terhadap Gereja Katolik yang menentang pengguguran bayi.

Tetapi protes itu harus dijalankan dengan “menghormati masyarakat, menghormati bangunan yang merupakan sebahagian daripada warisan negara, menghormati harta rakyat.” **CNA**

Kolej Kristian memperkenalkan kad pelajar AI pertama di Thailand

BANGKOK: Kolej Kristian Bangkok (BCC) telah melancarkan kad ID pelajar AI yang pertama di Thailand.

Kad itu menggabungkan kecerdasan buatan (AI) dan analisis data untuk menyokong pelajar dalam pembangunan peribadi, kewangan dan perancangan kerjaya.

Inisiatif ini, yang diperkenalkan pada Mac 10, diperjelaskan oleh pegawai sekolah sebagai langkah ke arah memodenkan pendidikan, di tengah-tengah kebimbangan global mengenai etika AI, termasuk kebimbangan yang dibangkitkan oleh Sri Paus Fransiskus.

Pegawai BCC berkata kad ID pelajar, yang pertama seumpamanya di Thailand, menawarkan pelajar lebih daripada pengenalan asas.

“Ini lebih daripada ID, ia adalah pembantu peribadi, panduan kewan-



gan dan alat pembangunan kerjaya, semuanya dalam satu,” kata Wichai Seesut, timbalan pengarah Kolej Kristian Bangkok.

Menurut Wichai, kad itu menggabungkan AI generatif dan analisis data sebagai sebahagian daripada apa yang sekolah gambarkan sebagai pendekatan “pembelajaran efektif”.

Kad ini menyediakan penjejakan kewangan masa nyata, bertujuan untuk mempromosikan perbelan-

jaan yang bertanggungjawab, dan termasuk ciri-ciri yang direka untuk membangunkan literasi kewangan.

Ia juga memantau tabiat makan dan menganalisis pemakanan menggunakan teknologi analisis impedans bioelektrik (BIA).

Vatikan telah mengeluarkan dokumen kira-kira tiga minggu lalu yang menyediakan garis panduan untuk aplikasi AI, memberi amaran terhadap terlalu bergantung pada sistem automatik. Dokumen yang menangani penggunaan AI dalam bidang dari peperangan ke penjagaan kesihatan, menekankan bahawa AI harus melengkapkan, tidak menggantikan, kecerdasan manusia. “Kesan penggunaan AI dalam pelbagai sektor mungkin tidak selalu dapat diramalkan dari penubuhannya,” kata dokumen itu, menggariskan keperluan pengawasan etika. **LiCAS News**

KHBAR SRI PAUS FRANSISKUS

VATIKAN: Pejabat akhbar Vatikan menerbitkan pesan bertulis Sri Paus Fransiskus untuk dibaca pada doa Angelus, waktu tengah hari, Mac 9.

Dalam pesannya, Bapa Suci mengatakan sepanjang beliau dirawat di hospital, beliau juga merasakan perhatian dalam pelayanan dan kelembutan para perawat, khususnya para doktor dan petugas kesihatan, “saya mengucapkan terima kasih dari lubuk hati yang paling dalam,” kata Sri Paus Fransiskus.

Teksnya mengatakan bahwa dia memikirkan ramai orang yang menemani dan membantu mereka yang sakit “dan mereka merupakan tanda kehadiran Tuhan. Kita memerlukan ‘keajaiban kelembutan’, yang menemani mereka yang berada dalam kesulitan, membawa sedikit cahaya pada hari-hari kesakitan.”

Sri Paus mengucapkan terima kasih kepada “semua orang yang menunjukkan kedekatan mereka dengan saya dalam doa: Terima kasih yang tulus kepada anda semua! Saya juga berdoa untuk anda.”

Disebabkan Sri Paus Fransiskus masih dirawat di hospital, beliau mengikuti retreat Pra-Paskah untuk Kuria Roma melalui video.

Bapa Suci menyertai Misa pada Hari Minggu Pra-Paskah pertama, Mac 9 di kapel untuk para Sri Paus di Tingkat 10, Hospital Gemelli di Roma.

Kardinal Pietro Parolin, Setiausaha Negara Vatikan, dan Uskup Agung Edgar Peña Parra, ketua umum sekretariat negara, mengunjungi Sri Paus di hospital pada Mac 9 memberikan maklumat terbaharu kepada Bapa Suci tentang beberapa situasi dalam Gereja dan dunia.

Bapa Suci mengatakan beliau bergabung secara spiritual dengan para peserta retreat di Dewan Paulus VI yang berlangsung pada Mac 9-14. Pejabat akhbar Vatikan mengatakan Bapa Suci mengikuti retreat itu dari hospital dalam talian.

Retret tersebut dipimpin oleh Fr Roberto Pasolini OFM Cap, pengkhotbah baharu kepausan yang menyampaikan



Bapa Suci ikuti retreat Pra-Paskah dari hospital

renungan bertema, “Harapan akan kehidupan kekal.”

Sementara itu, Kardinal José Tolentino de Mendonça, prefek Dikasteri Kebudayaan dan Pendidikan Vatikan, dijadualkan memimpin doa rosario untuk Sri Paus Fransiskus di Dataran Santo Petrus pada malam Mac 9. Manakala doa rosari harian didaraskan sebagai sebahagian dari retreat Pra-Paskah Kuria Romawi pada Mac10-13.

Semasa dirawat di hospital, para anggota penting Kuria Romawi menggantikan Bapa Suci memimpin Misa Jubli yang telah dijadualkan sejak tahun lalu.

Kardinal Michael Czerny, prefek Dikasteri untuk Mempromosikan Pembangunan Manusia Integral, memimpin Misa penutup Jubli bagi para sukarelawan di Dataran Santo Petrus pada Mac 9 dan membacakan homili yang disiapkan


oleh Sri Paus Fransiskus.

Bapa Suci yang telah didiagnosis dengan radang paru-paru berganda dan kesukaran pernafasan lain, menjalani terapi termasuk latihan pernafasan dan terapi fizikal, kata pejabat akhbar.

Beliau juga terus menggunakan pengudaraan mekanikal *noninvasive* dengan topeng pada waktu malam dan oksigen aliran tinggi melalui ventilator pada siang hari.

Doktor tidak memberi sebarang laporan untuk siaran akhbar pada Mac 9 memandangkan hasil ujian makmal dan keadaannya tetap stabil.

Pejabat akhbar itu berkata kestabilan kesihatan Sri Paus adalah semula jadi merupakan tanda beransur pulih dan beliau juga dilaporkan tidak mengalami demam serta tahap oksigen “telah bertambah baik”. **Media Vatikan**



Pra-Paskah: Pilih satu dosa untuk dihapuskan

Pra-Paskah adalah masa apabila Gereja menjemput kita untuk berpantang daging pada hari Jumaat, Rabu Abu dan Jumaat Agung.

Sesetengah daripada kita mungkin secara bebas membuat keputusan untuk tidak mengambil coklat atau gula-gula untuk keseluruhan Pra-Paskah atau berpuasa lebih pada setiap hari Jumaat.

Mana-mana disiplin Pra-Paskah yang kami tentukan adalah tepat untuk kita, kita perlu ingat bahawa pilihan fizikal ini harus mengingatkan kita tentang realiti rohani yang lebih mendalam.

Gereja mengingatkan kita dengan jelas bahawa mendisiplinkan tubuh dapat membawa kepada “penyembuhan jiwa kita.”

Ini adalah sesuatu yang sering kita lupakan, kerana secara jujur, ramai

Katolik yang melihat disiplin Pra-Paskah sebagai beban.

Walaupun amal itu sukar, pengorbanan kita bukanlah sia-sia. Sebaliknya, pantang dan puasa dapat mendorong kita untuk melihat sendiri aspek-aspek kehidupan yang kita perlukan untuk berkembang.

Pilih satu dosa untuk dihapuskan

Pada musim Pra-Paskah ini, pilihlah kelemahan atau dosa kita yang harus dihapuskan.

Harus diingat bahawa kerana tiada seorang pun daripada kita sempurna, hampir mustahil untuk menjauhkan diri dari semua dosa semasa di bumi ini. Kita tidak boleh dapat menghapuskan setiap kecenderungan berdosa dalam masa satu hari.

Apa yang boleh kita cuba lakukan ialah

semasa Pra-Paskah, pilih satu dosa kita yang “aktif” untuk dikurangkan atau dihapuskan.

Kita adalah manusia yang lemah tetapi berita baiknya adalah bahawa rahmat Tuhan adalah lautan yang tidak dapat diduga.

Kunci untuk kita adalah terbuka kepada lautan itu dan membuka pintu agar air laut itu dapat membanjiri hati kita. Sebaik sahaja kita dapat berbuat demikian, Tuhan dapat memberi kita keberanian yang diperlukan untuk menghadapi sebarang halangan dan perlahan-lahan menghapuskan pengaruh dosa dalam kehidupan kita.

Ketika kita menempuh Pra-Paskah ini, semoga kita ingat realiti mudah ini dan cuba menjauhkan diri daripada dosa-dosa tertentu. **Aleteia**

PENULIS BERKICAU

Wanita Harapan

Bagi saya, Hari Wanita bukan hanya pada Mac 8 sahaja. Hari Wanita adalah perayaan sehari-hari bagi para wanita kerana ia bukan sekadar satu sambutan, tetapi juga satu simbol perjuangan hak kesaksamaan gender dan keadilan sosial bagi wanita.

Pada tahun ini, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) menetapkan tema global “*For ALL women and girls: Rights. Equality. Empowerment*” (Demi SELURUH wanita dan gadis: Hak, Kesaksamaan dan Pemberdayaan).

Tema ini menekankan kepentingan memberikan hak, kesaksamaan dan pemberdayaan kepada semua wanita dan gadis tanpa pengecualian. Sudah tentu, demi menyeru tindakan konkrit untuk memastikan akses yang sama rata dalam semua aspek kehidupan, termasuk pendidikan, pekerjaan, dan penyertaan dalam proses membuat keputusan maka hal ini tidak seharusnya diperhatikan pada Mac 8 sahaja.

Saya gembira dengan Gereja Katolik di seluruh dunia turut merayakan Hari Wanita. Saya baharu menyertai Seminar sempena Hari Wanita yang mengangkat tema Tahun Jubli tahun ini iaitu Wanita Harapan.

Saya berbangga dengan para wanita Katolik Malaysia yang semakin sedar akan isu-isu melibatkan wanita. Mungkin adalah baik juga semasa perayaan itu untuk memberi penghargaan kepada wanita-wanita hebat yang telah memberi sumbangan besar kepada masyarakat dan dalam penyebaran agama Katolik.

Di peringkat antarabangsa, saya amat tertarik dengan Rangkaian Anti-Pemerdagangan Manusia yang diberi nama *Talitha Kum* yang bertindak untuk menangani masalah pemerdagangan manusia khususnya dalam kalangan gadis muda.

Baru-baru ini, saya mendapat tahu bahawa mereka telah menerbitkan filem pendek mereka yang menyerlahkan keperluan untuk membantu gadis-gadis di Afghanistan belajar membaca dan menulis.

Tahukah anda, 3.7 juta kanak-kanak di Afghanistan tidak menghadiri sekolah dan 60% daripadanya adalah kanak-kanak perempuan.

Saya bersyukur kerana negara kita sangat makmur dan rakyatnya mendapat pelbagai manfaat.

Namun ini tidak bermakna kita bebas daripada isu keganasan terhadap wanita, misalnya gangguan seksual di tempat kerja atau menjadi mangsa perbuatan menghendap. Lebih malang lagi, wanita yang menjadi mangsa, sering dituduh penyebab kepada gangguan-gangguan tersebut.

Wanita Malaysia cantik, elegan, pintar, kuat, berdaya tahan dan rajin, namun para wanita ini juga sangat terdedah dengan bahaya dan ancaman.

Seorang mengangkat tanggungjawab sebagai seorang ibu yang bekerja keras demi, sebagai anak yang taat kepada ibu bapa, sebagai isteri yang sanggup berkorban, sebagai adik dan kakak yang menyayangi adik beradiknya.

Semoga pada Tahun Jubli ini, kita menjadi Wanita Katolik Harapan cinta, pelayanan, pengampunan dan penyembuhan untuk wanita di setiap benua dunia.

MARI dan jadilah komuniti pemberita HERALD.
Kami amat mengalu-alukan sumbangan artikel, pendapat dan perkongsian anda.

Kami mengalu-alukan artikel dalam 400-500 patah perkataan, gambar high-resolution (300 DPI) dalam format JPG atau PNG serta berkapsyen.

Anda boleh menghantar artikel kepada liza@herald.com.my atau

WhatsApp: 011-26391498



Peserta membanjiri Seminar Penyembuhan

Barry A. Henry

KOTA KINABALU: Sebuah seminar rohani yang penuh berkat, Seminar Penyembuhan dan Pembebasan, telah berjaya mengumpulkan kira-kira 900 umat dari tiga keuskupan di Sabah, Sarawak dan Brunei di *Sacred Heart Cathedral* Kota Kinabalu.

Seminar yang berlangsung dari Mac 7-9 ini telah dianjurkan oleh Kelompok Doa Bahasa Malaysia *Sacred Heart Cathedral* Kota Kinabalu dan dibantu oleh *English Prayer Meeting Sacred Heart*, CCR Stella Maris Tanjung Aru, CCR St Thomas Kepyau, CCR St Theresa of Child Jesus, Kolopis dan CCR St Joseph, Papar. Seminar ini dipimpin oleh penceramah terkenal, Brother Jude Antoine yang berasal dari Kuala Lumpur.

Sebelum seminar bermula, para peserta dan umat Katolik telah menyertai ibadat Jalan Salib dan Misa Kudus yang dipimpin oleh Uskup



Agung John Wong. Dalam homilinya, Uskup Agung John Wong menekankan bahawa “Tuhan ingin membebaskan kita melalui pengutusan anak-Nya Yesus Kristus dengan membawa cinta kasih kedamaian kepada semua umat di dunia ini.”

Prelatus itu mengucapkan terima kasih kepada Jude Antoine atas kesediaan beliau untuk memimpin seminar ini.

Seminar ini diadakan dengan tujuan untuk memperdalam iman umat Katolik di samping

memberikan penyembuhan dan pembebasan rohani. Jude Antoine telah membimbing para peserta melalui sesi-sesi pengajaran, doa dan penyembuhan.

Kehadiran seramai 900 umat dari pelbagai latar belakang menunjukkan kerinduan yang mendalam untuk pembaharuan rohani. Para peserta telah menyatakan bahawa mereka telah mengalami pengalaman rohani yang mendalam dan merasakan kehadiran Tuhan dalam hidup mereka. “Saya merasakan beban

yang berat terangkat dari bahu saya,” kata Gayle Euphrasia, salah seorang peserta. “Seminar ini telah mengubah hidup saya,” kata Dora, seorang peserta.

Seminar ini juga menjadi platform untuk mengukuhkan perpaduan antara umat Katolik dari pelbagai keuskupan. Para peserta telah berpeluang untuk berkenalan dan berkongsi pengalaman iman mereka. “Saya datang ke seminar ini dengan hati yang penuh keraguan, tetapi saya pulang dengan perasaan

damai dan harapan yang baharu,” kongsi seorang peserta yang enggan namanya disiarkan.

“Seminar Penyembuhan dan Pembebasan ini telah menjadi sebuah peristiwa yang bersejarah bagi umat Katolik di Sabah, Sarawak dan Brunei. Diharapkan agar benih-benih iman yang telah ditanam dalam seminar akan terus bertumbuh dan berbuah,” kata Pengerusi Penganjur, Herman Jai dari Kelompok Doa Bahasa Malaysia *Sacred Heart Cathedral* Kota Kinabalu.

Nelbart Peter, paderi baharu dari Kg Simbuan, Sook

SOOK: Paroki Roh Kudus Sook menerima paderi keempat kelahiran daerah Sook apabila Diakon Nelbart Peter telah diangkat ke jabatan imamat pada Mac 2, 2025 di Gereja Katolik Roh Kudus Sook.

Ribuan umat katolik dari seluruh Keuskupan Keningau hadir dalam Misa Pentahbisan Imamat yang dipimpin oleh Uskup Cornelius Piong.

Dengan tema, “Tuaian memang banyak tetapi pekerjaanya sedikit” (Lukas 10:2), ritus pentahbisan pada petang Ahad itu bermula apabila paderi paroki mempersembahkan Diakon Nelbart kepada Uskup untuk ditahbiskan sebagai paderi.

Diakon Nelbart berdiri di hadapan prelatus yang menanyakan soalan akan komitmennya untuk melakukan tugas Jabatan Imamat.

Selepas Bapa Uskup memberikan amanat kepada calon paderi, para klerus dan umat berlutut sementara Diakon Nelbart merebahkan diri di hadapan altar dan litani para kudus dinyanyikan.

Selepas litani dan prelatus mengucapkan doa, Fr Nelbart menerima penumpangan tangan daripada para klerus yang hadir. Ini diikuti dengan pemakaian kasula.

Ritus pentahbisan berakhir selepas para klerus yang hadir memberikan pelukan damai kepada Fr Nelbart diikuti tepukan gemuruh oleh umat.

Mengimbas semula perjalanan pembentukan Fr Nelbart, beliau mula memasuki Rumah Pembentukan *Catholic Diocese Centre* (CDC) di Kota Kinabalu pada tahun 2015.

Kemudian, memasuki *St Peter's College*, Kuching untuk memu-

lakan Tahun Teologi pada tahun 2020 hingga Mei.

Seterusnya beliau menjalankan pastoral dan pelayanan di St Theresa, Tambunan pada Januari hingga Februari dan Jun hingga Oktober 2024.

Pada November 10, 2024, Nelbart telah ditahbis menjadi Diakon di Dataran Keuskupan Keningau oleh Uskup Cornelius Piong.

Dalam sesi ucapan, Fr Nelbart menyatakan rasa syukur dan terima kasih kepada semua peribadi atas doa dan sokongan yang diberikan sepanjang dalam perjalanan pembentukannya sehingga pada saat beliau ditahbiskan menjadi paderi.

“Terima kasih atas doa kamu untuk diri ini. Pentahbisan ini bukan untuk saya tetapi untuk kita semua,” katanya.

Sementara itu, Uskup Cornelius



Paderi yang baharu ditahbis, Fr Nelbart Peter memberikan berkat pertamanya sebagai paderi kepada Uskup Cornelius Piong.

dalam ucapannya menyatakan rasa syukur dan berharap agar melalui pentahbisan Fr Nelbart, umat khususnya para belia lebih peka terhadap panggilan Tuhan.

Prelatus itu amat bersyukur atas pentahbisan Fr Nelbart kerana ketika prelatus melayani di Kampung Simbuan 47 tahun yang lalu, Kampung Simbuan masih baharu dibuka, masih dikelilingi hutan dan pada tahun ini, Tuhan mengizinkan beliau melihat seorang belia dari Kampung Simbuan menjadi paderi.

Prelatus itu turut menyampaikan pesanan kepada para paderi agar sentiasa mempunyai kesungguhan dalam pelayanan. “Melayanilah dengan sungguh kerana kita sudah dipilih, diutus, ditopang oleh Tuhan. Jangan sia-siakan penyer-taan Tuhan supaya pelayanan kita membawa harapan kepada umat yang kita layani,” katanya.

Di penghujung ucapannya, prelatus juga telah mengumumkan bahawa Fr Nelbart ditugaskan untuk melayani di Gereja St Theresa Tambunan. **Lynn Jipanis**

Pulau Pinang perkaya pengetahuan kateketikal

PULAU PINANG: Komisi Kateketikal Keuskupan Pulau Pinang (PDCC) baru-baru ini telah menjemput Fr Dr Gilbert Choondal SDB, seorang paderi Salesian Don Bosco dari Bangalore, India, untuk menyampaikan sesi bagi katekis penginjil di Keuskupan Pulau Pinang.

Fr Gilbert mempunyai lebih dari 30 tahun pengalaman dalam pelayanan kateketikal di India. Beliau memperolehi sijil kedoktoran dalam Kateketik dari Universiti Kepausan Salesian di Roma pada tahun 2001.



Sepanjang kariernya, beliau telah mengajar para seminarian, paderi, kumpulan-kumpulan rohaniwan dan katekis. Beliau juga mempunyai sumbangan luas dalam artikel penerbitan, buku, kit kateketikal dan perintis akhbar Alkitab.

Dua karya pentingnya adalah

Readings in Catechetics (Bacaan-bacaan dalam Kateketik) dan *Manual for the First Holy Communion* (Panduan untuk Komuni Pertama).

Di Pulau Pinang, untuk selama dua minggu, Fr Gilbert 28 siri kateketikal di seluruh keuskupan Pulau Pinang, 24 sesi untuk ibu bapa dan tiga sesi

untuk para klerus yang sedang melakukan retret bulanan di Stella Maris.

Semasa mengendalikan sesi untuk ibu bapa, Fr Gilbert menekankan bahawa ramai Katolik kehilangan identiti Katolik mereka dan menekankan peranan penting ibu bapa dalam mengekalkan identiti

Katolik tersebut kerana ibu bapa adalah katekis utama dalam menyampaikan iman kepada anak-anak mereka.

Beliau menyatakan bahawa doa keluarga lebih berkesan untuk meng-injil anak-anak berbanding khutbah dalam Misa Kudus atau katekesis dalam kelas agama.

Manakala semasa memberikan sesi kepada para katekis penginjil, Fr Gilbert memberi tumpuan kepada tugas-tugas penting dan tanggungjawab katekis serta membantu mereka mengasah kemahiran dalam penginjilan.